



PERDASAMA

PERSATUAN PEDAGANG DAN PENGUSAHA MELAYU MALAYSIA
(MALAY BUSINESSMEN AND INDUSTRIALISTS ASSOCIATION OF MALAYSIA)

Rujukan: PERDASAMA/ ADMIN2024/031
Tarikh: 12 Februari 2024

Y.Bhg. En. Mohd Azwan Mohd Salleh

Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia
Pejabat Wilayah Selatan
No. 8, Jalan Padi Mahsuri Bandar Baru UDA
81200 Johor Bahru, Johor

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Tuan,

TAWARAN SEBAGAI PEMPAMER BAGI PROGRAM PEMUKIMAN PERDASAMA 2024

Sukacitanya berhubung perkara di atas adalah dirujuk.

2. **Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (PERDASAMA)** merupakan sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang memperjuangkan kemajuan ekonomi bumiputera melalui rangkaian keusahawan dan mempunyai keahlian seramai 27,263 di 16 cawangan seluruh negeri di Malaysia. PERDASAMA yang ditubuhkan pada 1998 akan menyambut ulangtahun ke-25 dengan penuh iltizam dan komitmen untuk kerjasama rapat dan berkolaborasi dengan semua pihak terutama kerajaan, pejabat kedutaan asing, rakan-rakan badan bukan kerajaan (NGO), tokoh individu, gerakan swadaya, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan entiti perniagaan di semua peringkat persekutuan, negeri dan luar negara.

3. PERDASAMA akan menganjurkan **Sesi Jalinan Kerjasama Industri bersama Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka** bersempena Program Pemukiman PERDASAMA 2024. Sesi ini bakal menghimpunkan 200 peserta terdiri ahli-ahli PERDASAMA dan usahawan dari seluruh negara, agensi-agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri, badan-badan korporat, pihak industri dari sektor-sektor utama termasuklah sektor pembinaan, perkhidmatan, institusi kewangan, bank dan pelbagai pihak berkepentingan lain.

Sekretariat PERDASAMA Nasional:

A-G-05, Savanna Lifestyle Retail, Jalan BBLS 2, Bandar Baru Lembah Selatan, 43800 Dengkil, Selangor
Tel: 019-245 3624 | Email: perdasamanasionalhq@gmail.com | Website: www.perdasamanasional.org



PERDASAMA

PERSATUAN PEDAGANG DAN PENGUSAHA MELAYU MALAYSIA

(MALAY BUSINESSMEN AND INDUSTRIALISTS ASSOCIATION OF MALAYSIA)

4. Oleh yang demikian, pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dijemput untuk turut serta bagi sebagai **Pempamer bagi Program Pemukiman PERDASAMA 2024 dan Sesi Jalinan Kerjasama Industri bersama Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka** pada tarikh yang berikut:

Tarikh : 19 Februari 2024 (Isnin)
Masa : 9.30 pagi – 9.30 malam
Tempat : Grand Ballroom, Grand Swiss-Belhotel Melaka
146, Jalan Hang Tuah, 75300 Melaka

2. Semoga dengan kehadiran tuan dan Perbadanan Produktiviti Malaysia ke sesi jalinan kerjasama Industri bakal menyatukan dan menguatkan tali sirraturrahim, menyuntik semangat, iltizam dan kesatuan hati semua yang hadir terutama ahli PERDASAMA dapat berinteraksi dengan agensi kerajaan terutama agensi mandat ekonomi dan agenda pemerkasaan Bumiputera.

3. Bersama-sama surat ini disertakan makluman berkaitan yuran pempamer sebanyak RM2,000. Bayaran boleh dikreditkan no. Akaun Bank 12110000874712 (Bank Muamalat Malaysia Berhad). Slip bayaran Tn. Hj. Nik Amran (0129167989) Bendahari Agung. Bersama-sama dengan ini disertakan Profile PERDASAMA 2024 untuk rujukan pihak tuan.

Segala perhatian dan sokongan tuan, saya dahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Salam hormat,



MOHD AZAMANIZAM BIN BAHARON
Presiden
PERDASAMA Nasional
Tel: 019-3630725

Sekretariat PERDASAMA Nasional:

A-G-05, Savanna Lifestyle Retail, Jalan BBLS 2, Bandar Baru Lembah Selatan, 43800 Dengkil, Selangor
Tel: 019-245 3624 | Email: perdasamanasionalhq@gmail.com | Website: www.perdasamanasional.org